

## **Malaysia pameran pembaharuan, pertumbuhan di WEF, di tengah-tengah kesuraman ekonomi dunia**

**Malaysian Insider**

**14 Januari, 2013**

**Oleh Jahabar Sadiq**

KUALA LUMPUR, Jan 14 — Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos minggu hadapan akan mempamerkan cerita pertumbuhan Malaysia di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia dan kemuncak reformasi oleh pentadbiran Najib menjelang pilihan raya 2013.

The Malaysian Insider difahamkan kerajaan yakin berita positif pada persidangan tahunan di Switzerland itu akan dapat memujuk pengundi, terutamanya pengundi atas pagar, bahawa Datuk Seri Najib Razak perlu diberi mandat besar pada pilihan raya umum ke-13.

Putrajaya telah memulakan program pemberian wang tunai disasarkan untuk mengurangkan beban kenaikan kos tahun ini, dengan yang pertama adalah baucer buku 1Malaysia pelajar universiti RM250, naik dari RM200 tahun lalu. Bantuan Rakyat 1Malaysia 2.0 (BR1M 2.0) yang akan bermula bulan hadapan.

"Jenama Malaysia akan dilancarkan apabila WEF bermula pada 23 Januari, ia adalah promosi seperti Incredible India di sana beberapa tahun lalu," sumber memberitahu The Malaysian Insider.

Beliau mengatakan mesyuarat tahunan WEF tahun ini akan menjadi permulaan bagi Malaysia sebagai jenama antarabangsa dan kuasa ekonomi serta pemimpin-pemimpin negara ini dijangka akan bertemu dengan beribu-ribu pemimpin global dan ketua eksekutif syarikat besar.

Antara mereka yang berkemungkinan besar akan menghadiri WEF adalah Presiden Amerika Syarikat Barack Obama dan ahli perniagaan terkemuka termasuk Warren Buffett dan Bill Gates manakala bintang pop seperti Bono juga akan membuat persembahan.

Sumber lain berkata Najib bersiap sedia ke Davos hujung minggu ini untuk bertemu dengan pemimpin dunia dan ahli perniagaan semasa persembahan Jenama Malaysia di WEF.

"Ia akan menjadi besar dan kami akan menunjukkan pertumbuhan dan pembaharuan beberapa tahun kebelakangan ini," tambah beliau.

Malaysia berjaya untuk mencatatkan pertumbuhan KDNK tahunan sekurang-kurangnya lima peratus pada tahun 2012, lebih daripada negara sezaman di Asia yang terjejas disebabkan oleh krisis ekonomi global. Angka baik negara disokong oleh penggunaan peribadi dan pembinaan terutamanya perumahan runcit dan swasta.

Disebalik desakan antarabangsa, pegawai-pegawai kerajaan juga telah mula menangani kebimbangan utama di kalangan demografi tertentu terutamanya golongan miskin bandar, pelajar dan komuniti.

Ini termasuklah pusingan kedua pemberian RM500 kepada golongan berpendapatan rendah di bawah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2.0), dan pengembangan program dengan turut memberi RM250 kepada golongan muda belum berkahwin yang berpendapatan sebanyak RM3,000 kebawah.

Minggu lalu Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan pembayaran dinaikkan ke RM1,000 jika Barisan Nasional (BN) menang pilihan raya umum (PRU) ke 13.

Bantuan lain termasuklah lebih baucer buku kepada pelajar sekolah menengah dan terbaru rebat RM200 untuk telefon pintar bagi yang berumur diantara 21 ke 30 tahun dan berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan.

Taraf kelulusan Najib merosot kepada 63 peratus berbanding 65 peratus pada November, menurut tinjauan Merdeka Center yang dikeluarkan minggu lepas, manakala pentadbiran dan BN ketinggalan dibelakang dengan masing-masing 47 peratus dan 45 peratus.

Pusingan sebelumnya pemberian BR1M menyebabkan peningkatan sokongan kepada Najib, terutamanya dari golongan berpendapatan rendah yang merupakan penerima utama.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-pamerkan-pembaharuan-pertumbuhan-di-wef-di-tengah-tengah-kesuraman-ekonomi-dunia/>